

APLIKASI TELEFON BERTEMAKAN ALAM SEKITAR

Telefon mudah alih pintar (smartphone) dan komputer tablet semakin menjadi suatu alat komunikasi dan pembelajaran yang penting di abad ini. Perkakasan pintar ini membolehkan pengguna berhubung, melayari internet dan melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah melalui perisian aplikasi (app) yang semakin banyak diterbitkan untuk kegunaan umum.

Aplikasi mudah alih ini boleh membantu meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu alam sekitar dan membantu pengguna dalam usaha mereka untuk menjadi lebih peka dengan penggunaan tenaga, memberi petunjuk kepada jalan penyelesaian tenaga dan membuat pilihan yang lebih sihat untuk diri mereka dan alam sekitar.

Berikut adalah beberapa pilihan aplikasi mudah alih yang direka untuk memberi tumpuan kepada alam sekitar dan bagi mereka yang ingin tahu lebih banyak dan bagaimana mereka boleh membantu alam sekitar. Pengetahuan yang diperolehi dan dipelajari amat berguna terutamanya untuk golongan pelajar yang mahu turut serta dalam menjayakan aspirasi pembangunan mampan.

Aplikasi EcoChallenge



Aplikasi EcoChallenge direka oleh jurutera dari *University of Applied Sciences* di Jerman. Terdapat lapan tajuk yang diperkenalkan setiap minggu, seperti makanan tempatan, lampu, makanan, plastik, kosmetik, ikan, kapas dan air. Dalam sesuatu topik, pengguna boleh menggunakan kalkulator dan statistik untuk mempelajari bagaimana setiap aktiviti manusia dapat dikaitkan kepada kesihatan alam sekitar. Terdapat petua-petua yang membina untuk tujuan menyedarkan pengguna terhadap langkah-langkah perubahan yang perlu dilakukan dalam tabiat mereka demi mencapai matlamat alam sekitar.

Sebagai contoh, salah satu topik ialah mengenai penggunaan air. Ia memberikan statistik yang menarik tentang tren penggunaan air yang dibahagi kepada aktiviti dan penggunaan purata di kalangan sesetengah negara. Daripada aplikasi ini, dapat dipelajari bahawa purata penggunaan air di Amerika Syarikat adalah kira-kira 300 liter per orang per kapita, berbanding dengan hanya 25 liter di India.

Antara paparan aplikasi ini adalah seperti berikut.



Aplikasi Taptu Guardian Environment




Aplikasi Taptu Guardian Environment adalah pembawa berita sosial yang khusus kepada alam sekitar. Ia adalah aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma dan

dibina oleh Taptu dengan berita dan isi kandungan disalurkan melalui perisian platform terbuka. Ia memaparkan semua berita yang berkaitan dengan alam persekitaran dari laman sesawang dan blog mengenai alam sekitar dan juga mempunyai galeri foto yang khusus dengan rakaman gambar yang indah yang berkaitan dengan alam sekitar.

Aliran berita (*news stream*) yang dipaparkan juga dikumpulkan daripada pelbagai sumber berita, seperti *Guardian Environment Network*, *Business Green*, *Yale Environment 360*, *Mother Jones's Green Channel* dan *IPS Inter Press Service*, serta berita lain daripada syarikat berita antarabangsa, Reuters. Pengguna boleh membentuk atau mewujudkan aliran pilihan mereka sendiri, daripada pilihan topik yang menarik, seperti perubahan iklim, hidupan liar, dan sebagainya. Aliran ini membantu pengguna mengakses berita yang dipilihnya secara lebih pantas.

Antara paparan aplikasi ini adalah seperti berikut.



Aplikasi Tree Hugger




Tree Hugger merupakan laman Internet terkemuka yang diterbitkan khusus untuk memandu masyarakat yang berpaksikan kehidupan mampan. Laman web TreeHugger meletakkan fokus

kepada topik seperti sains dan teknologi, perniagaan dan politik, kereta dan pengangkutan, reka bentuk dan seni bina, pelancongan, fesyen dan kecantikan, makanan dan kesihatan dalam konteks alam sekitar.

Melalui aplikasi ini, pembaca Tree Hugger boleh mendapatkan berita terkini, membaca rencana daripada topik kegemaran yang dipilih, mendengar liputan melalui radio maya, mendapatkan maklumat mengenai topik hangat terkini serta pesanan terkini melalui perisian Twitter.

Antara paparan aplikasi ini adalah seperti berikut.



Kesimpulan

Adalah menjadi lumrah dan kenyataan bahawa telefon mudah alih pintar dan komputer tablet menjadi media sebaran maklumat dan pembelajaran masa kini. Aplikasi-aplikasi ini sememangnya berguna bagi pelajar untuk mempelajari mengenai alam sekitar semasa mereka menggunakan telefon. Alangkah baik sekiranya aplikasi bertemakan alam sekitar dan kehidupan mesra seperti ini juga direka menggunakan Bahasa Malaysia supaya ia dapat mencapai lebih ramai pelajar dan pengguna tempatan.

Rujukan

<http://www.guardian.co.uk/environment/green-living-blog/2010/feb/17/top-10-green-iphone-apps>

<http://www.plentyways.com/blog/tag/environmental-iphone-apps/>

<http://itunes.apple.com>

<http://eco-challenge.eu/en/>

Sumber: Poon Yew Mun
Emel: poonyewmun@gmail.com